

**HAMKA. (2022). KENANGAN-KENANGANKU DI MALAYA.
SELANGOR: JT BOOKS PLT252. 256 HALAMAN.
ISBN: 978-967-15792-7-5**

ASMADY IDRIS

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Corresponding Author: asmadyi@ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 15 Jun 2024 | Tarikh diterima: 20 Ogos 2024 | Tarikh diterbitkan: 31 Disember 2024
DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5845>*

Tidak dapat dinafikan bahawa karya-karya Pak Hamka atau nama penuh tokoh ilmuwan berwibawa ini Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah adalah khazanah ilmu yang amat bernilai. Penulisan Hamka mampu membawa para pembaca keluar daripada kepompong diskusi ilmu khasnya dari zon kerangka perbatasan ‘Anglo-Saxon’ dan dunia Barat. Ini kerana peristiwa dan idea yang dipaparkan oleh Hamka jarang sekali terdapat di dalam karya Barat terutamanya apabila berkaitan dengan sejarah pembinaan bangsa Nusantara Kepulauan Melayu dan dunia Islam.

Pada dasarnya, buku yang bertajuk ‘Kenangan-Kenanganku di Malaya’ ini ialah sebuah karya yang memaparkan kesyukuran Pak Hamka terhadap kelahiran sebuah lagi negara merdeka yang majoriti penduduknya beragama Islam bernama ‘Malaya’ pada 31 Ogos 1957 setelah selama 445 tahun berada dalam cengkaman kolonialisme Barat. Dengan penubuhan negara Malaya ini, Hamka membenarkan apa yang telah dimasyhurkan oleh Hang Tuah iaitu ‘Melayu tidak akan hilang dari dunia!’.

Penerbitan awal buku ini ialah pada tahun 1957 dalam ejaan huruf Jawi dan diterbitkan di Singapura. Metodologi penulisan buku ini adalah hasil lawatan Hamka ke Tanah Melayu atau Malaya sekitar tahun 1940an (era pendudukan Jepun di Tanah Melayu), 50an dan sehinggalah pada tahun 1974 apabila Pak Hamka menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Data-data yang dimuat dalam buku ini merupakan garapan interaksi dan pertemuan Hamka dengan tokoh-tokoh terbilang Tanah Melayu ketika itu termasuklah Pendita Za’ba, Dato’ Haji Mohd Said (digelar juga ‘Pendeta Melayu’ berasal dari Johor), Encik Ishak bin Haji Muhammad (Pak Sako), Encik Ibrahim bin Yaakob, Yamtuan Besar Abdul Rahman (Negeri Sembilan), Tengku Besar Burhanuddin, Abdul Rahim Kajai, Uthman Qalam, Buyong bin Adil, Tongkat Warrant (Usman Awang), Ungku Aziz dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, penyertaan Hamka dalam Kongres Bahasa Melayu di Singapura pada tahun 1956 juga adalah sebahagian daripada pengalaman yang dikongsikan di dalam buku ini.

Intipati perbahasan utama buku Pak Hamka ini sebahagian besarnya ialah sebagai ingatan kepada generasi masa depan khasnya di Indonesia dan Malaya bahawa jika sarjana tempatan tidak menulis sejarah dan peristiwa-peristiwa lampau, maka ia akan ditulis oleh orang lain dan secara tidak langsung kecenderungan untuk meminggirkan sumbangan tokoh-tokoh

pemimpin dan ulama yang pernah berjasa di Nusantara Kepulauan Melayu akan berlaku seperti (contoh-contoh yang disebutkan dalam alu-aluan oleh Pak Hamka) ketokohan Raja Haji Fisabilillah Yang Dipertua Muda Riau dalam memerangi Belanda untuk merampas semula Melaka, sejarah kegemilangan kerajaan Mataram, Demak, Banten dan Sulawesi, perjuangan Dol Said di Naning dan sebagainya. Dalam memberikan pengajaran yang berguna ini, Pak Hamka banyak menggunakan sejarah perjuangan kepemimpinan Raja dan rakyat Indonesia dalam menghadapi kuasa kolonial Eropah bermula dari kedatangan Portugis, Belanda sehinggalah kepada era pasca kemerdekaan Indonesia.

Sejumlah besar peristiwa dan catatan sejarah lampau yang dicatatkan dalam buku ini perlu ditelaah oleh setiap generasi warga Nusantara agar mereka dapat menghayati tentang gerak perjuangan yang telah dimulakan oleh para pemimpin terdahulu. Dalam buku ini, beberapa fakta menarik (pilihan pengulas buku) yang akan diketengahkan untuk tatapan para pembaca supaya dapat menghargai segala usaha yang telah dilakukan dalam proses pembinaan bangsa Nusantara di Malaya dan juga mampu membangkitkan semangat mereka untuk membaca buku ini. Antaranya, Hamka memberikan tumpuan kepada perjuangan pemimpin kerajaan Islam pasca kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka dengan kemunculan empat kuasa baru Islam iaitu kerajaan Aceh, Demak, Banten dan Ternate. Menurut Hamka, terdapat tiga pahlawan terbilang iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (Aceh), Sultan Agung (Mataram Jawa) dan Sultan Hasanuddin (Makasar). Selain itu, wujud beberapa percubaan dari kerajaan Islam ini untuk merampas semula Melaka dari cengkaman Portugis seperti pimpinan Adipati Muhammad Yunus dari kerajaan Demak di Jawa dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Aceh dan usaha ini telah membuahkan hasil apabila Kesultanan Aceh dan Johor bersekutu dengan Belanda akhirnya berjaya menamatkan pemerintahan Portugis di Kota Melaka.

Namun, perjuangan ini tidak berakhir kerana rakyat Indonesia terutamanya berhadapan pula dengan penjajahan Belanda. Pendekatan ‘pecah dan perintah’ Belanda yang memporak-perandakan kuasa-kuasa Raja dengan mengangkat setiap wilayah yang mempunyai raja sebagai kuasa pemerintah tertinggi, maka kesatuan tampuk kerajaan Islam mula merosot dan telah menyaksikan satu demi satu kerajaan Islam termasuklah Mataram, Aceh, Siak Sri Indrapura dan lain-lain menjadi lemah dan akhirnya hilang kuasa untuk terus memerintah. Bagaimanapun, hasil kegigihan rakyat Indonesia, akhirnya lahirlah sebuah negara ‘Republik Indonesia’ merdeka pada 17 Ogos 1945 di bawah pimpinan Soekarno – Hatta. Pada masa yang sama, negara republik ini mengiktiraf kewujudan ‘Daerah Istimewa’ iaitu merujuk kepada pengekalan daerah sultan-sultan dan raja-raja yang memerintah secara warisan keturunan seperti Sultan Jogjakarta Hamengkubuwono. Apa yang ingin ditekankan oleh Hamka ialah tentang perjuangan sultan dan raja terdahulu dalam mempertahankan Islam apabila berhadapan dengan penjajahan kuasa Eropah iaitu Portugis, Belanda dan British.

Seterusnya, Hamka juga memusatkan perbincangannya terhadap asal-usul raja-raja Melayu, kaum Melayu dan bahasa Melayu. Dalam hal ini, Hamka menyebutkan bahawa, berdasarkan ‘Sejarah Melayu’, asal-usul keturunan raja-raja Melayu adalah dari Bukit Siguntang Mahameru di Palembang yang bernama Sang Sapurba dan keturunannya berkembang di Bintan dan Minangkabau, Singapura serta akhirnya di Melaka. Manakala, asal-

usul penduduk Semenanjung Tanah Melayu, Hamka berpendapat bahawa peribumi yang sebenar asli tidak ada hanyalah orang Sakai atau orang Jakun (hlm. 8). Bagi Hamka, kebanyakan penduduk di tanah Melayu adalah datang dari pulau-pulau Melayu (Indonesia) sejak dari zaman Srivijaya, Majapahit dan Melaka. Pelbagai etnik yang datang ke Malaya termasuklah orang Jawa, Banjar, Mandahiling, Rawa, Bonjol, Aceh, Bugis, Bawean (Boyan), Minangkabau dan lain-lain. Malah, Pak Hamka berbangga dengan kepimpinan Negeri Sembilan yang berasaskan keturunan orang Minangkabau iaitu senegeri dengannya. Dalam hal ini, saranan yang ingin disampaikan oleh Hamka ialah untuk mencari etnik ‘Melayu yang jati’ (sama seperti mencari ‘Arab jati’) adalah sukar (hlm. 29) kerana sememangnya terdapat percampuran darah dari pelbagai keturunan Indonesia yang telah membentuk kaum Melayu di Malaya dan mereka inilah juga yang turut berjasa dalam membangun Malaya sebelum dan pasca awal kemerdekaan seperti Dr Burhanuddin al-Helmy, Ahmad Boestamam, Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba), Syeikh Tahir Jalaluddin (mewakili peranan ulama-ulama silam) dan lain-lain lagi.

Bagi Hamka, begitulah juga kegemilangan dunia Islam masa lampau yang bukan sahaja berasaskan kepada kaum Arab semata-mata (terutamanya campuran darah keturunan Arab seperti ‘Arab Musta’ribah’ merujuk kepada keturunan Nabi Ismail a.s sehingga kepada Nabi Muhammad s.a.w) tetapi juga pelbagai bangsa yang telah sanggup berkorban untuk agama Islam seperti bangsa Parsi, Habsyi, Turki, Kurdi dan sebagainya. Dalam perkataan lain, keturunan darah asli bukanlah menjadi keutamaan dalam Islam tetapi yang lebih penting ialah mereka yang telah memberikan sumbangan dan jasa bakti bagi mempertahankan syi’ar Islam dan ini khasnya merujuk kepada jasa yang amat bernilai oleh ulama-ulama nusantara Melayu (hlm. 97-124).

Selanjutnya lagi, Hamka turut memasukkan pemerhatiannya terhadap kepentingan mengekalkan Bahasa Melayu di Malaya kerana ia adalah bahasa yang telah digunakan sejak sekian lama dan dianggap sebagai pusaka nenek moyang di Nusantara Alam Melayu. Bagi tokoh wibawa ini, di Indonesia wujud sekumpulan yang digelar sebagai ‘Politik Bahasa’ (hlm. 194) apabila kumpulan ini mahu supaya Bahasa Indonesia ini kelihatan berbeza atau seperti kata Hamka “... terlepas dari urat-uratnya iaitu bahasa Melayu” (hlm. 194) terutama ingin membersihkan dari pengaruh Bahasa Arab. Maka, beberapa penyesuaian dibuat seperti tidak menggunakan perkataan ‘wajib’ atau ‘fardu’ tetapi ‘butuh’(hlm. 196) dan beberapa perkataan lain seperti ‘mustahak’ (Bahasa Melayu) diganti dengan ‘penting’ (Bahasa Indonesia), ‘tahniah’ (Bahasa Melayu) – ‘selamat’ (Bahasa Indonesia), ‘wajib’ (Bahasa Melayu) – ‘harus’ (Bahasa Indonesia), ‘iktiraf’ (Bahasa Melayu) – ‘pengakuan’ (Bahasa Indonesia) dan lain-lain lagi. Pak Hamka memuji tokoh-tokoh pendita Bahasa Melayu di Malaya khususnya Za’ba kerana pada ketika itu, beberapa perkataan Arab masih dikekalkan dalam Bahasa Melayu di Malaya seperti huruf ‘F’ tidak ditukar kepada ‘P’ untuk perkataan ‘huruf’ dan bukannya ‘hurup’ dan penggunaan beberapa istilah Bahasa Arab seperti iktisad (ekonomi), mustahak, iktiraf, tahniah, wajib dan sebagainya yang digunakan dengan meluas di Malaya.

Secara ringkasnya, buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua golongan lapisan masyarakat. Bagi generasi muda di Nusantara Melayu khasnya, mereka adalah disaran untuk mengkaji dan *tadabbur* karya Pak Hamka ini kerana ia merupakan pemerhatian yang teliti dan interaksi ilmu yang syumul antara tokoh-tokoh ilmuan masa lampau agar akar sejarah dan tradisi kemelayuan dan syi'ar Islam tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.